

0505

B B283 BAH  
MAHATHIR - KUASA R'R'R'R'R'

SEREMBAN, 2 JULAI (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI MENDEDAHKAN HARI IN

I  
BAHAWA ADA PIHAK YANG MENABUR FITNAH KONONNYA RAMPASAN KUASA AKAN BER  
LAKU  
DI NEGARA INI SEKIRANYA AHLI PARLIMEN KAWASAN GUA MUSANG, TENGKU RAZAL  
EIGH  
HAMZAH, DITANGKAP POLIS.

KATANYA, FITNAH ITU KONONNYA IALAH BEBERAPA ORANG JENERAL DALAM TE  
NTERA  
YANG BERASAL DARI KELANTAN TELAH MEMBERI AMARAN KEPADA KETUA POLIS NE  
GARA  
BAHAWA MEREKA AKAN MENGAMBIL ALIH PEMERINTAHAN NEGARA SEKIRANYA BEKAS  
MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN ITU DITANGKAP.

+INI SUATU FITNAH YANG AMAT JAHAT YANG CUBA MELAGA-LAGAKAN PIHAK P  
OLIS  
DENGAN TENTERA, BAGAIMANAPUN KEDUA-DUA PIHAK INI ADALAH GOLONGAN PROF  
ESIONAL  
DAN BUKANNYA DARIPADA JENIS YANG GOLONGAN ITU ANGGAPKAN,+ KATANYA PAD  
A  
MAJLIS DIALOG DENGAN PEMIMPIN UMNO DALAM SATU PERJUMPAAN KHAS DI  
GELANGGANG BUDAYA, PAROI DI SINI.

DATUK SERI DR. MAHATHIR YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA, ADA JUGA  
GOLONGAN YANG MENABUR FITNAH YANG KONONNYA BELIAU TELAH MENGARAHKAN P  
OLIS  
SUPAYA MENANGKAP TENGKU RAZALEIGH YANG JUGA AHLI PARLIMEN KAWASAN GUA  
MUSANG, SEHINGGA MENYEBABKAN TAN SRI HANIF OMAR KONONNYA DISINGKIRKAN  
KERANA ENGGAN MEMATUHI ARAHAN ITU.

+SEBENARNYA TIADA SEBARANG ARAHAN BEGITU DIBUAT DAN INI MERUPAKAN  
SUATU  
PERCUBAAN UNTUK MENIMBULKAN SALAH FAHAM ANTARA SAYA DENGAN KETUA POLI  
S  
NEGARA,+ KATANYA. --LAGI

1851MST 02 07 88

D507

B B284 BAH  
MAHATHIR - KUASA 2 SEREMBAN R'R'R'R'R'

PERBUATAN GOLONGAN INI MEMPUYAI DUA TUJUAN UTAMA IAITU YANG PERTAMA  
MANYA  
IALAH UNTUK MENDAPATI SIMPATI DARIPADA PARA PENYOKONG MEREKA UNTUK  
MENUNJUKKAN SEOLAH-OLAH BELIAU SANGAT GANAS DAN KEJAM KERANA MAHU MEN  
ANGKAP

TENGGU RAZALEIGH, KATANYA.

SEBAB KEDUANYA IALAH SUPAYA TENGGU RAZALEIGH TIDAK DITANGKAP DALAM  
USAHA BELIAU (PERDANA MENTERI) UNTUK MENUNJUKKAN BAHAWA CERITA YANG  
DISEBARKAN ITU TIDAK BENAR DAN JUGA TENGGU RAZALEIGH TIDAK DITANGKAP  
WALAUPUN DIA MELAKUKAN PERBUATAN YANG MELANGGAR UNDANG-UNDANG.

+INI ADALAH SEBAGAI SUATU PERSEDIAAN UNTUK GOLONGAN ITU BERTINDAK  
MELANGGAR UNDANG-UNDANG TETAPI SAYA INGIN MEMBERI JAMINAN BAHAWA SESI  
APA

YANG MELANGGAR UNDANG-UNDANG AKAN MENGHADAPI KESAN PELANGGARAN UNDANG  
-UNDANG

ITU+.

+SAYA HARAP JANGAN MEREKA INGAT BAHAWA DENGAN BERKATA DEMIKIAN, ME  
REKA

AKAN SELAMAT DARIPADA TINDAKAN UNDANG-UNDANG,+ TEGASNYA.

BELIAU YANG MENYATAKAN INI SEBAGAI MENJAWAB SUATU SOALAN YANG  
DIBANGKITKAN OLEH SEORANG WAKIL DARIPADA UMNO BAHAGIAN SEREMBAN, SHEI  
KH

MOHAMAD SHEIKH HUSSEIN SELANJUTNYA BERKATA BAHAWA FITNAH INI TELAH ME  
MAKSA

KETUA POLIS NEGARA MENGELUARKAN KENYATAAN BAHAWA BELIAU TIDAK DIMINTA  
KELUAR

DARIPADA POLIS. --LAGI

1854MST 02 07 88

D514

B B287 BAH  
MAHATHIR - KUASA 3 SEREMBAN R'R'R'R'R'

+BELIAU TELAH BERKHIDMAT SEBAGAI KETUA POLIS NEGARA SELAMA 15 TAHUN DAN

TIDAK MUDAH PANAS HATI SERTA MENGAMBIL TINDAKAN YANG TIDAK BERASAS,+  
KATA

PERDANA MENTERI.

BELIAU JUGA MEMBERITAHU BAHAWA TINDAKAN UNDANG-UNDANG AKAN DIAMBIL  
TERHADAP KUMPULAN 11 YANG TELAH MEMBAWA KES UMNO KE MAHKAMAH SEKIRANYA  
A

MEREKA DIDAPATI MELANGGAR UNDANG-UNDANG.

MENGENAI BEKAS MENTERI BESAR SELANGOR DATUK HARUN IDRIS YANG MENDA  
KWA

BANYAK MENOLONGNYA UNTUK KEMBALI KE DALAM UMNO DAN MENYERTAI KABINET,  
DATUK

SERI DR. MAHATHIR BERKATA, BELIAU SANGAT BERTERIMA KASIH KEPADA SEMUA  
PIHAK

YANG BERUSAHA SECARA LANGSUNG ATAU TIDAK DALAM HUBUNGAN ITU TETAPI  
KEPUTUSAN MUKTAMAD PADA KETIKA ITU BERGANTUNG KEPADA PRESIDEN UMNO  
ALLAHYARHAM TUN ABDUL RAZAK.

BELIAU JUGA MENYATAKAN BAHAWA UMNO DIJANGKA AKAN DAPAT MENGAMBIL  
ANGGOTA SERAMAI 700,000 IAITU KIRA-KIRA SEPARUH DARIPADA JUMLAH KEANG  
GOTAAN

UMNO YANG DIHARAMKAN ITU WALAUPUN MENUNJUKKAN JUMLAH 1.4 JUTA ORANG  
TETAPI, JUMLAH SEBENARNYA ADALAH LEBIH RENDAH KERANA BEBERAPA MASALAH  
SEPERTI ANGGOTA YANG DIKIRA BEBERAPA KALI.--LAGI

1908MST 02 07 88

0517

B B288 BAH

MAHATHIR - KUASA 4 SEREMBAN R'R'R'R'R'

KATANYA, CAWANGAN-CAWANGAN UMNO TELAH DIMINTA SUPAYA MENDAFTARKAN SEBERAPA RAMAI ANGGOTA DAN PIHAK IBU PEJABAT AKAN MENENTUKAN SAMA ADA SESEORANG ITU LAYAK ATAU TIDAK MENJADI ANGGOTA UMNO.

MENGENAI ADANYA PEGAWAI-PEGAWAI KERAJAAN YANG MENENTANG KERAJAAN, BELIAU BERKATA, PERKARA INI BERLAKU KERANA KURANGNYA PENJELASAN DAN MEREKA JUGA TERPENGARUH DENGAN PIHAK LAIN.

BELIAU PERCAYA, SEKIRANYA PENERANGAN YANG LEBIH JELAS DIBERIKAN, KEBANYAKAN DARIPADA MEREKA AKAN MENYOKONG KERAJAAN.--BERNAMA  
1914MST 02 07 88